

PENIAGA mengambil kesempatan menjual topeng muka pelbagai corak.



PELAJAR Sekolah Menengah Seri Ampang, Jalan Kuala Kedah memakai topeng muka berikutan keadaan jerebu yang semakin teruk.



5 HARI BERKURUNG DALAM BILIK

Harian metro
m/s 10
5/10/2015

■ **Pelancong China tak puas melawat Pulau Pinang**



**LEMAS
DALAM
JEREBU**

Oleh Mohd Hilmi Mahmud
am@hmetro.com.my
Georgetown

“**S**aya bersama rakan datang sejak lima hari lalu namun kami hanya berkurung dalam bilik dan terpaksa mengurangkan ak-

tiviti luar,” kata pelancong China, Sue Zhing, 25, yang ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), di sini, semalam.

Menurutnya, dia datang ke Pulau Pinang bersama tiga rakan namun mereka tidak dapat keluar dari hotel untuk melawat tempat menarik berikutan jerebu.

“Saya dan rakan hanya ke pusat beli-belah untuk menghabiskan masa, pada asalnya kami rancang mahu melawat tempat menarik dan bergambar dengan

lukisan dinding namun ia tidak menjadi kerana cuaca tidak mengizinkan.

“Kami tidak menyangka jerebu agak teruk namun ia bukan sesuatu yang dirancang,” katanya yang terkandas di LTAPP berikutan operasi penerbangan tergendala kerana jerebu.

Menurutnya, dia dan rakan akan kembali ke Pulau Pinang untuk melawat tempat bersejarah dan menarik.

“Kami akan datang semula ke Pulau Pinang untuk melihat keindahan dan

kecantikan di sini, namun kami akan terlebih dulu melihat keadaan cuaca,” katanya.

Keadaan jerebu yang semakin buruk di negeri ini menyebabkan beberapa penerbangan dari LTAPP pagi semalam, terpaksa dibatalkan serta ditangguhkan.

Indeks pencemaran Udara (IPU) di negeri ini yang mencatat bacaan tidak sihat menyebabkan jarak peng-

